



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 24

25hb November 2009

TAMBAHAN No. 134
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 409

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 2) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 2) 2009**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2015.

Peremitan

2. Dua puluh peratus duti setem yang kena dibayar dan yang boleh dikenakan ke atas surat cara pembiayaan prinsipal atau utama yang dibuat mengikut prinsip Syariah menurut subsubperenggan 22(1)(a) dan subperenggan 27(a) Jadual Pertama Akta adalah diremitkan tertakluk kepada syarat surat cara itu diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Dibuat 23 November 2009

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2010); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.11;
PN(PU2)159/XXXV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua